

# ANALISIS KEPERLUAN BAGI PEMBINAAN MODEL FIQH TAHARAH MASYARAKAT ISLAM ORANG ASLI

***ANALYSIS OF THE NEEDS FOR CONSTRUCTING A FIQH TAHARAH MODEL FOR ORANG ASLI COMMUNITY***

**Paiz Hassan<sup>1\*</sup>**

**Mohd Anuar Ramli<sup>2</sup>**

**Zulkefli Aini<sup>3</sup>**

**Muhammad Syazwan Faiz Shahrom<sup>4</sup>**

**Muhammad Yusri Yusof<sup>5</sup>**

**Muhd Imran Abd Razak<sup>6</sup>**

**Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin<sup>7</sup>**

**Abd Munir Mohamed Noh<sup>8</sup>**

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

(E-mail: paiz4186@uitm.edu.my)

<sup>2</sup> Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaysia, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

(E-mail: mohdanuar@um.edu.my)

<sup>3</sup> Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.

(E-mail: zulaini@ukm.edu.my)

<sup>4</sup> Pelajar Pascasiswazah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

(E-mail: msyazwanfaiz@gmail.com)

<sup>5</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

(E-mail: yusri613@uitm.edu.my)

<sup>6</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

(E-mail: imranrazak@uitm.edu.my)

<sup>7</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia.

(E-mail: mohdz560@uitm.edu.my)

<sup>8</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak, Kampus Tapah, 35400 Tapah Road, Perak, Malaysia.

(E-mail: abdmu409@uitm.edu.my)

\*corresponding author

## Article history

**Received date** : 22-7-2024

**Revised date** : 23-7-2024

**Accepted date** : 15-8-2024

**Published date** : 30-8-2024

## To cite this document:

Hassan, P., Ramli, M. A., Aini, Z., Shahrom, M. S. F., Yusof, M. Y., Abd Razak, M. I., Zainal Abidin, M. Z. H., & Mohamed Noh, A. M. (2024). Analisis keperluan bagi pembinaan model fiqh taharah masyarakat islam orang asli. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (65), 130 – 138.

**Abstrak:** Taharah merupakan sesuatu yang sangat penting dalam menentukan penerimaan ibadah seseorang. Setiap individu muslim wajib mengetahui tatacara bersuci termasuklah masyarakat orang asli yang telah memeluk Islam. Mereka seringkali terdedah kepada kenajisan najis mughallazah kerana persekitaran perkampungan mereka terdapat banyak anjing yang berkeliaran dan menjadi peneman kepada mereka. Selain itu, babi turut menjadi buruan masyarakat orang asli untuk hidangan seisi keluarga dan sudah pasti kenajisannya menempati pada bekas masakan dan bekas hidangan. Oleh sebab itu, pendekatan tatacara bersuci perlu melihat kepada realiti kehidupan masyarakat orang asli supaya Islam dilihat sebagai agama yang mudah. Lantaran itu, kajian ini bertujuan untuk melihat keperluan bagi pembinaan model fiqh taharah masyarakat orang asli berdasarkan pandangan penggerak masyarakat orang. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan instrumen temu bual. Informan kajian terdiri daripada penggerak masyarakat orang asli yang berpengalaman melebihi 15 tahun. Dapatkan kajian mendapati keperluan kepada pembinaan model fiqh taharah masyarakat orang asli sangat diperlukan bagi meraikan realiti masyarakat setempat dan menzahirkan kemudahcaraan dalam agama Islam.

**Kata kunci:** Taharah; Orang asli; Kenajisan

**Abstract:** Taharah is something very important in determining the acceptance of one's worship. Every Muslim individual is obligated to know the procedure of purification, including indigenous people who have embraced Islam. They are often exposed to mughallah impurities due to the environment of their villages where there are many stray dogs that roam around and become companions to them. Additionally, pigs are also hunted by indigenous people for the whole family's meal and undoubtedly their impurities occupy cooking utensils and serving dishes. Therefore, the approach to taharah procedures needs to consider the realities of indigenous communities so that Islam is seen as an easy religion. Therefore, this study aims to examine the need for the construction of a fiqh taharah model for indigenous communities based on the views of community leaders. This study takes a qualitative form using interview instruments. The study informants consist of indigenous community leaders with over 15 years of experience. The study findings indicate the necessity for the construction of a fiqh taharah model for indigenous communities, which is crucial for honoring the local community's realities and manifesting ease in the religion of Islam.

**Keywords:** Taharah; Indigenous people; impurities

---

## Pengenalan

Kedudukan perkampungan masyarakat orang asli di kawasan tropika yang sangat mencabar menyebabkan anjing mudah didapati di perkampungan orang asli bagi pelbagai tujuan. Habitatnya mudah dilihat berkeliaran di setiap pelusuk kawasan perkampungan orang asli (Sharina, 2018). Oleh itu tidak menghairankan kehadiran tetamu bakal disambut oleh nyalakan anjing terlebih dahulu. Boleh dikatakan setiap rumah mempunyai banyak anjing bagi tujuan keselamatan, perlindungan daripada binatang buas dan berbisa dan peliharaan. Anjing ini bukan sekadar berada di luar perkarangan rumah bahkan juga berada di dalam rumah mereka. Masyarakat orang asli menganggap anjing seperti binatang peliharaan seperti kucing (Johdi, ). Ini bererti anjing dilayan bukan sekadar sebagai haiwan belaan tetapi sebagai haiwan kesayangan dengan dibelai dan dimanjai oleh mereka. Kehidupan sekeluarga dalam satu rumah walaupun berlainan agama menyebabkan ahli keluarga orang asli yang beragama Islam sukar untuk mengelak diri daripada anjing.

Kenajisan anjing jelas di sini apabila ada kelibatnya maka sudah pasti ada sisa buangannya seperti air kencing dan najisnya. Bukan itu sahaja bahkan juga kepada bulunya yang gugur yang menempati di pelbagai sudut terutamanya di dalam rumah. Tabiatnya yang suka menghidu dan menjelarkan lidah pasti akan menyebabkan cairan dari mulutnya jatuh ke tanah atau lantai (Kementerian Agama RI, 2012). Juga tabiatnya yang suka menjilat sama ada pada bekas air dan anggota badan manusia akan menyebabkan air liurnya berpindah kepada objek jilatannya.

Selain itu, kenajisan babi juga menjadi isu yang perlu ditangani dengan baik supaya ajaran Islam dilihat lebih praktikal. Babi merupakan haiwan buruan masyarakat orang asli dan hasil tangkapannya akan dibahagi sesama mereka (Wan Hashim, 1988). Dagingnya dimasak di dapur dan dihidangkan dalam bekas makanan. Maka sudah pasti periuk, kuali, pinggan mangkuk dan sebagainya dicemari dengan kenajisan babi. *Fiqh Shafi'i* menganggap babi sebagai najis *mughallazah* yang memerlukan proses serta bagi menghilangkan kenajisannya (Al-Nawawi, t.t.). Terdapat ahli keluarga masyarakat orang asli yang beragama Islam dan tinggal sekali. Begitu juga kunjungan para pendakwah atau orang luar yang menziarahi saudara muslim mereka di situ. Orang asli dikenali sebagai masyarakat yang sangat meraikan tetamu dan sudah pasti juadah makanan akan menanti ketibaan mereka (Nur Faaizah, 2020). Tindakan tidak menjamah makanan yang dihidangkan atau melakukan proses serta terhadap bekas makanan pasti menyinggung perasaan tuan rumah kerana mereka beranggapan tetamunya merasa jijik. Mereka cepat tersinggung dan sangat sensitif. Keadaan ini menimbulkan polemik yang tidak harmoni kerana *fiqh taharah* yang diterapkan kepada masyarakat orang asli yang beragama Islam dilihat tidak melihat realiti kehidupan orang asli dan memberi gambaran yang salah mengenai praktikal ajaran Islam yang sebenarnya mempunyai khazanah perbendaharaan *fiqh* yang luas. Justeru itu kajian ini akan melihat keperluan pembinaan model *fiqh* taharah masyarakat Islam orang asli yang meraikan realiti setempat.

## Metodologi Kajian

Analisis keperluan merupakan fasa pertama dalam Pendekatan Reka Bentuk dan Pembangunan (*Design and Development Research*). Menurut McArdle (1998), analisis keperluan merujuk kepada suatu aktiviti bagi mengenal pasti isu yang berlaku dalam persekitaran kerja dan ia boleh menentukan sama ada penambahbaikan merupakan tindakan yang tepat dilakukan atau tidak. Ia merupakan satu proses menilai masalah dan mengenal pasti penyelesaian bagi subjek sasaran. Justeru itu, fasa ini sangat penting kerana pengkaji boleh mendapatkan informasi dan mengenal pasti setiap persoalan kajian daripada kumpulan sasar mengenai keperluan kepada pembinaan sesebuah model. Berdasarkan itu beberapa persoalan kajian dibangunkan bagi melihat keperluan pembinaan model *fiqh* taharah seperti berikut:

1. Bagaimakah amalan taharah dalam masyarakat Islam orang asli?
2. Apakah pendekatan yang diketengahkan dalam pengajaran taharah dalam kalangan masyarakat Islam orang asli?

Kajian ini menggunakan pendekatan temu bual bagi menilai keperluan pembangunan model *fiqh* taharah dalam kalangan masyarakat Islam orang asli. Ini selaras dengan Ridhuan (2020) yang menjelaskan bahawa metode pengukuran bagi analisis keperluan boleh dilakukan melalui temu bual (pakar/pengguna), soal selidik (pengguna), kaedah *Delphi* (pakar) dan kaedah *Fuzzy Delphi* (pakar). Teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan bagi pemilihan informan kajian. Teknik ini sering kali digunakan dalam kajian kualitatif. Informan yang kaya dengan pengetahuan akan menjadi pilihan pengkaji kerana ia boleh membekalkan maklumat yang dikehendaki dalam sesuatu kajian (Patton, 2015). Informan merujuk kepada seseorang yang dapat memberikan maklumat berkaitan dengan permasalahan atau fenomena yang

menjadi subjek kajian. Informan dalam kajian ini terdiri daripada mereka yang berpengalaman lebih daripada 15 tahun dalam mendekati masyarakat orang asli bahkan di kalangan mereka juga terdiri daripada suku orang asli sendiri atau mengahwini wanita orang asli. Ini bagi memastikan maklumat yang diperolehi adalah tepat dan menepati ciri-ciri sosiobudaya masyarakat orang asli. Penceritaan mereka boleh menggambarkan amalan beragama masyarakat orang asli bahkan mereka lebih memahami permasalahan *fiqh* ibadat yang berlaku dalam kalangan mereka. Mereka ini sememangnya ditugaskan bagi memberi bimbingan keagamaan serta menjaga kebijakan golongan orang asli bahkan boleh dikatakan telah menjadi sebahagian daripada kelompok masyarakat orang asli kerana mampu bertutur dalam bahasa ibunda mereka serta menjalani kehidupan sehari-hari bersama mereka. Ini selari dengan tuntutan sarjana penyelidikan yang menganjurkan supaya mencari informan yang menguasai dan memahami suatu kajian atau topik perbincangan di samping mempelbagaikan latar belakang informan supaya data yang diperolehi boleh mengungkapkan gambaran keseluruhan subjek kajian. Pencarian informan dianggap selesai apabila tambahan peserta kajian tidak lagi memberikan maklumat baru iaitu telah mencapai tahap ketepuan data (Merriam, 1998). Kriteria utama informan yang ditetapkan oleh pengkaji adalah seperti berikut:

1. Berpengalaman bersama masyarakat orang asli melebihi 15 tahun
2. Terdiri daripada Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) atau Mubaligh Agama

Berikutnya maklumat informan yang terbatas, maka kajian ini menggunakan teknik bola salji (*snow ball*) bagi memastikan peserta kajian yang dipilih memenuhi kriteria yang telah ditentukan. Berdasarkan teknik ini, pengkaji mencari sekurang-kurangnya seorang informan utama yang memenuhi syarat dan meminta kepada supaya menggunakan rangkaian sosialnya agar dapat memperkenalkan kepada pengkaji beberapa informal lain yang berpotensi dan boleh berpartisipasi serta menyumbang kepada kajian (Rubin, 1989). Teknik ini sering digunakan untuk mencari dan merekrut “populasi tersembunyi” iaitu kumpulan yang tidak mudah diakses oleh pengkaji melalui strategi persampelan lain (Mack et al., 2005). Kebiasaan informan boleh diperolehi dengan cara mendekati organisasi yang terlibat, bersama dengan kelompok masyarakat yang dijadikan sebagai subjek kajian atau bertanya kepada kenalan yang dikenali (Kamarul Azmi, 2012). Berasaskan ini pengkaji menemui seorang PMOA yang dikenali di medan lapangan semasa melakukan program mingguan di perkampungan orang asli Ayer Denak yang kemudiannya memperkenalkan beberapa ‘otai’ yang sangat berpengalaman dalam mendampingi golongan orang asli.

## Dapatan Kajian

### **Dapatan Isu Taharah: Kenajisan dan pemeliharaan anjing**

Anjing merupakan haiwan yang dekat dengan manusia kerana mudah ditemui dan mempunyai pelbagai kegunaan dalam kehidupan sehari-hari. Kedudukan perkampungan masyarakat orang asli di kawasan tropika yang sangat mencabar menyebabkan anjing mudah didapati di perkampungan orang asli bagi pelbagai tujuan. Habitatnya mudah dilihat berkeliaran di setiap pelusuk kawasan perkampungan orang asli (Sharina Omar, 2018). Oleh itu tidak menghairankan kehadiran tetamu bakal disambut oleh nyalakan anjing terlebih dahulu. Apabila seseorang menyelusuri di perkampungan kampung orang asli boleh dikatakan setiap rumah mempunyai banyak anjing bagi tujuan keselamatan, perlindungan daripada binatang buas dan berbisa dan peliharaan.

Anjing ini bukan sekadar berada di luar perkarangan rumah bahkan juga berada di dalam rumah mereka. Berdasarkan temu bual yang dibuat, rata-rata masyarakat orang asli menganggap

anjing seperti binatang peliharaan kucing. Ini bererti anjing dilayan bukan sekadar sebagai haiwan belaan tetapi sebagai haiwan kesayangan dengan dibelai dan dimanjai oleh mereka. Tambahan lagi karakternya yang suka bermain dan bersosial menjadikannya disukai oleh manusia sehingga mendapat gelaran teman terbaik manusia (Muhammad Ikhlas, 2015). Lantaran itu tidak menghairankan sekiranya tetamu yang berada di dalam rumah dikejutkan dengan kehadiran anjing yang duduk bersebelahan dengan mereka. Sesetengah tempat haiwan ini turut makan dan tidur di dalam rumah. Di sini dapat dilihat bahawa anjing merupakan haiwan yang sangat dekat dalam kehidupan masyarakat orang asli. Ia dapat dilihat berdasarkan kata-kata peserta kajian seperti di bawah:

*“Anjing ni kami anggap sebahagian daripada kehidupan kami di sini. Ia bukan sahaja menjaga keselamatan kami tetapi lebih dari itu”*

(Peserta kajian 2, temu bual, 29 April 2021)

*“Macam baru ni pun jadi masa saya pergi shahadah dua orang. Jadi ceritanya kalau kita ajar dia tahulah. Macam baru ni, anak anjing tu, payah nak control. Kalau ibu dengan bapanya lain kita suhh..suhh, dia boleh lari. Anak anjing ni sorry lah dia nak lari. Tambah kalau dia gigit dia gigit tu bukan gigit sungguh, dia macam nak melawak lah. Selak budak tu. Saya ceritalah, ni seluar ni nanti kena basuh dengan air tanah, 6 kali air biasa”*

(Peserta kajian 1, temu bual, 23 Mac 2021)

Menurut Saidatul, perkataan anjing merupakan perkataan yang paling banyak disebut dalam peribahasa orang Semai. Ini secara tidak langsung menggambarkan anjing merupakan binatang yang sangat dominan dan mendatangkan impak serta pengaruh dalam kehidupan masyarakat orang asli. Mereka memandang kepada anjing dalam pandangan yang positif tidak seperti masyarakat Melayu yang melihat dari perspektif yang negatif dan jijik. Lantaran itu penggunaan anjing dalam peribahasa mereka seringkali melambangkan konotasi yang positif (Saidatul, 2013).

Pengislaman masyarakat orang asli tidak banyak memberi kesan pandangan mereka terhadap anjing. Anjing tetap dianggap seperti haiwan peliharaan. Bahkan menjadi kebiasaan dalam masyarakat orang asli hidup sekeluarga dalam satu rumah walaupun berlainan agama. Ini menyebabkan ahli keluarga orang asli yang beragama Islam sukar untuk mengelak diri daripada anjing. Penyucian dengan proses tertuan akan mengundang kesukaran buat mereka. Ini dijelaskan oleh peserta kajian seperti di bawah:


*“Tidak dinafikan anjing ini menjadi sahabat karib kepada masyarakat orang asli terutamanya di kampung-kampung di pedalaman.... Itu yang pertamalah. Yang keduanya pula, bila melibatkan begitu, kadang walaupun orang asli itu setelah Islam dia masih lagi pelihara anjing. Masalahlah, cuma belum ada lagi kita tekankan yang apa ni hukum samak yang secara detail just kita beritahu secara teori sahaja lebih kurang tu. Sebab kita tak nak nanti benda itu dema jadi masalah. Takut dia rasa Islam tu berat. Kita ambil hukum mana yang khilaf tu kita guna yang tu”*

(Peserta kajian 3, temu bual, 5 April 2021)

*“Anjing ni kan macam Ustaz kata tadi lah, kena samak bila dijilat. Tapi bila dah terlalu kerap boleh mendatangkan kepayahan kepada mereka. Kalau kita tegas dalam bab ni boleh menyukarkan misi dakwah kita”*

(Peserta kajian 4, temu bual, 24 April 2021)

Isunya di sini adalah berkaitan dengan kenajisan anjing dan hukum memeliharanya. Kenajisan anjing jelas di sini apabila ada kelibatnya maka sudah pasti ada sisa buangannya seperti air kencing dan najisnya. Bukan itu sahaja bahkan juga kepada bulunya yang gugur yang menempati di pelbagai sudut terutamanya di dalam rumah. Tabiatnya yang suka menghidu dan menjelirkan lidah pasti akan menyebabkan cairan dari mulutnya jatuh ke tanah atau lantai (Kementerian Agama, 2012). Juga tabiatnya yang suka menjilat sama ada pada bekas air dan anggota badan manusia akan menyebabkan air liurnya berpindah kepada objek jilatannya. Kesemuanya ini akan mengundang kepada satu persoalan iaitu adakah kesemua anggota tubuh badannya, kotorannya dan kebasahan mulutnya itu najis? dan sekiranya najis pasti mengundang pelbagai masalah dan kesulitan kepada masyarakat Islam orang asli dalam melaksanakan ibadah khususnya dalam memastikan diri, pakaian dan tempat suci daripada najis sama ada najis ‘ayni atau hukmi.



#### **Dapatan Isu Taharah: Bekas Makanan / Peralatan Dapur yang Dicemari Kenajisan Babi**

Jarang ditemui dalam sebuah rumah masyarakat orang asli semuanya beragama Islam. Realitinya mereka hidup bercampur anutan agama seperti animisme, Kristian dan Islam dalam sebuah rumah. Terkadang anak menganut Islam tetapi ibu bapa masih mengamalkan animisme atau sebaliknya. Begitu juga dengan isi rumah keluarga orang asli yang selalunya terdiri daripada ibu bapa, anak-anak, menantu dan cucu-cucu Paiz dan Mohd Anuar, 2020).

Kepelbagaiannya agama dalam sebuah rumah tidak banyak mengubah sosiobudaya kehidupan mereka sedangkan dalam Islam terdapat peraturan yang perlu diikuti terutama dalam aspek kesucian sama ada pada tempat, pakaian, tubuh badan, peralatan, pemakanan dan sebagainya.

Babi merupakan antara buruan dan hidangan bagi masyarakat orang asli (Halim dan Zulkipli, 2014). Babi yang diperolehi daripada hasil buruan akan diagihkan kepada saudara terdekat untuk dimasak. Tahap kesedaran *halalan tayyiban* sangat rendah di kalangan mereka. Bagi ahli keluarga yang muslim mereka hanya tahu tidak boleh makan daging babi sahaja namun aspek kesucian yang lain seperti percampuran masakan antara halal dan haram, kuali, periuk serta bekas masakan yang dicemari dengan daging babi tidak diambil tahu bahkan mereka sendiri tidak mengetahui mengenai kenajisan babi itu sendiri. Kuali yang dimasak babi itulah digunakan untuk memasak lauk yang lain dan pinggan yang dihidangkan hidangan babi juga digunakan semula untuk hidangan yang lain. Bahkan menjadi kebiasaan mereka menjamu hidangan yang bercampur dengan hidangan babi bersama-sama ahli keluarga yang lain cuma ahli keluarga muslim tidak menyentuh hidangan tersebut (Peserta kajian 4, temu bual, 23 Mac 2021).

Selain itu, tetamu yang hadir untuk menziarahi ahli keluarga yang beragama Islam yang terdiri daripada para Mubaligh atau PMOA juga berhadapan dengan situasi tersebut iaitu dihidangkan makanan dalam bekas yang dicemari dengan kenajisan babi. Masyarakat orang asli sangat meraikan tetamu yang datang dan mereka hanya tahu orang Melayu tidak makan babi dan tidak akan menghidangkan hidangan babi kepada mereka namun tidak tahu mengenai perihal hukum bekas yang dimasak atau diletakkan daging babi. Terdapat juga tetamu yang hadir tidak menyentuh langsung hidangan yang dihidangkan kerana dikhuariti bekas tersebut masih lagi dicemari dengan kenajisan babi atau belum disertu dengan basuhan yang sewajarnya mengikut hukum syarak (Peserta Kajian 2, temu bual, 5 April 2021). Terdapat juga tetamu yang mengambil pinggan dan menyertu pinggan tersebut. Perlakuan ini menyinggung perasaan tuan rumah kerana merasakan tetamu yang datang merasa jijik sehingga tidak langsung menyentuh makanan yang dihidangkan atau perbuatan membersihkan pinggan yang agak ekstrem sehingga perlu dibasuh dengan tanah (Peserta Kajian 4, temu bual, 24 April 2021). Keadaan ini secara tidak langsung akan menjauahkan mereka daripada mendekati Islam kerana merasakan ajaran Islam agak sukar serta tidak mesra kepada sosiobudaya masyarakat orang asli manakala ahli keluarga yang telah Islam pula merasakan kepayahan untuk mengamalkan Islam lebih-lebih lagi dalam isu menangani kenajisan babi. Ini turut diakui oleh peserta kajian semasa ditemu bual dengan katanya:

*“Saya apabila mereka hidangkan makanan saya akan sertu pinggan dulu kat luar .... diaorang berasa hati..”*


(Peserta kajian 1, temu bual, 23 Mac 2021)

*“Terdapat juga ahli keluarga yang bertanya kepada ahli keluarga yang muslim kenapa Islam ni payah sangat sampai kena basuh banyak kali dan dengan tanah pula tu”*

(Peserta kajian 3, temu bual, 5 April 2021)

Keadaan ini menimbulkan polemik yang tidak harmoni kerana *fiqh* taharah yang diterapkan kepada masyarakat orang asli yang beragama Islam tidak bersesuaian dengan realiti kehidupan orang asli dan memberi gambaran yang salah mengenai praktikal ajaran Islam yang sebenarnya mempunyai khazanah perbendaharaan *fiqh* yang luas. Kehidupan orang asli sangat mudah dan

ringkas. Oleh itu pendekatan *fiqh taharah* perlu melihat realiti tersebut. Bahkan di kalangan mereka pun telah terbentuk satu pola pemikiran bahawa agama orang Melayu sangat sukar untuk diikuti (Che Nur Hasanah, 2018) dan ini menyukarkan gerakan dakwah untuk mengajak mereka kepada Islam.



**Rajah 2: Dapatan Analisis Transkrip Temu Bual Soalan 10 Perisian Atlas Ti**

### Kesimpulan

Bertitik tolak daripada dapatan analisis keperluan di atas, perlu dibangunkan *fiqh* taharah mengenai hukum kenajisan anjing dan babi untuk masyarakat Islam orang asli yang meraikan latar belakang sosiobudaya mereka. Perbendaharan khazanah fiqh yang telah dibangunkan oleh fuqaha silam perlu digali bagi melihat pandangan yang yang lebih bersesuaian dengan kehidupan mereka. Ini bagi memastikan masyarakat orang asli melihat Islam sebagai agama yang mudah dan tidak membebankan.

### Penghargaan

Kajian ini ditaja oleh Ministry of higher education (MOHe) melalui Fundamental Research Grant scheme (FRGS) (FRGS/1/2023/SSI13/UITM/02/5).

### Rujukan

- Rohani M.M., & Yusoff, A. S. (2015). Tahap Kesediaan Pelajar Dalam Penggunaan Teknologi, Pedagogi, Dan Kandungan (TPACK) Dalam Pembelajaran Kurikulum di IPT. *Proceeding of the 3rd International Conference on Artificial Intelligence and Computer Science*, Pulau Pinang.
- McArdle, G.E.H. 1998. Conducting a Need Analysis. Courrse PTR
- Brown, J. D. 2005. "Foreign and second language Needs analysis," In M. H. Long, & C. J. Doughty, (Eds). *The handbook of language teaching*. Blackwell publishing.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil dan Nurulrabiah Mat Noh. 2020. *Kepelbagai Metodologi Dalam Penyelidikan Reka Bentuk Dan Pembangunan*. Qaisar Prestige Resources.
- Sharina Omar Abdul Rashid, Lau Seng Fong, Puteri Azaziah Megat Abd Rani, Siti Fatimah Kader Maideen, Intan Nur Fatiha Shafie, Nur Indah Ahmad, Farina Mustaffa Kamal,

- Mokrish Ajat. (2018). Instilling Good Knowledge, Attitude and Practices among the Indigenous People of Malaysia Concerning Dog Associated Zoonotic Infections,” *BioRxiv*. <https://doi.org/10.1101/381350>.
- Kementerian Agama RI. 2012. *Hewan Dalam Perspektif Al-Qur'an dan Sains*. Lajnah Pentashihan al-Quran.
- Abu Zakaria Mahyuddin Yahya bin Sharf al-Nawawi. 1392. *Al-Minhaj Sharh Sahih Muslim bin al-Hujjaj*. Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi
- Wan Hashim Wan The. 1988. Kesinambungan Budaya Melayu - Orang Asli. *Sari* 6, 31-46.
- Abu Zakaria Mahy al-Din Yahya bin Syaraf al-Nawawi. t.t. *Al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab li al-Shirazi*. Maktabah al-Irsyad.
- Nur Faaizah Binti Md Adam, Mohd Sharifudin Yusop dan Noor Saadah Salleh. 2020. Budaya dan Warisan Orang Asli Kensiu Lubuk Legong, Baling, Kedah. *Journal of Educational Research and Indigenous Studies* 4, 1-10.
- Patton, M. Q., 2015. *Qualitative Research & Evaluation Methods*, edi ke-4. SAGA Publications, Inc.
- Merriam, S. B. 1998. *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach*. Jossey-Bass.
- Rubin, A. & Barbie, E. 1989. *Essential Research Methods for Sosial Work*. Brookscoll Cengage Learning.
- Mack. N., Woodsong, C., Macqueen, K. M., Guest, G. & Namey, E. 2005. *Qualitative Research Methods: A Data Collector's Filed Guide*. Family Health International.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2015. “Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatitif.” Makalah, Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, 28-29 Mac 2012.
- Sharina Omar Abdul Rashid, Lau Seng Fong, Puteri Azaziah Megat Abd Rani, Siti Fatimah Kader Maideen, Intan Nur Fatiha Shafie, Nur Indah Ahmad, Farina Mustaffa Kamal, Mokrish Ajat. 2018. “Instilling Good Knowledge, Attitude and Practices among the Indigenous People of Malaysia Concerning Dog Associated Zoonotic Infections,” *BioRxiv*, 1-31. <https://doi.org/10.1101/381350>.
- Muhammad Ikhlas Rosele dan Syamsul Azizul Marinsah Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad. 2015. “Anjing Pembawa Virus Rabies: Signifikan Dan Metode Interaksi Berasaskan Fiqh Al-Hadith,” *Jurnal Intelek* 10(1), 55–66.
- Saidatul Nornis Mahali dan Mohd Rasdi Saamah. 2013. Haiwan Sebagai Perlambangan Dalam Peribahasa Orang Semai. *GEMA Online Journal of Language Studies* 13(1), 83–98.
- Kementerian Agama RI. 2012. *Hewan Dalam Perspektif Al-Qur'an dan Sains*. Lajnah Pentashihan al-Quran.
- Paiz Hassan and Mohd Anuar Ramli. 2020. Isolasi Sosio-Budaya Masyarakat Orang Asli Di Malaysia Dan Kesannya Terhadap Pentafsiran Hukum Islam. *Jurnal Pengurusan Dan Penyelidikan Fatwa* 21(1), 1–20.
- Halim Mokhtar dan Zulkefli Aini. 2014. “Dakwah Islamiah Kepada Orang Asli Di Pulau Carey Banting Selangor: Isu, Cabaran Dan Permasalahan.” makalah, Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Dakwah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective, Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Peribumi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 20 November 2014.
- Che Nur Hasanah Che Hussain, Mariam Abd. Majid dan Muhammad Yusuf Marlon Abdullah. 2018. Persepsi Masyarakat Orang Asli Terhadap Islam Di Kampung Genting Peras, Hulu Langat, Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor* 2(1), 1-14.